

Anwar diperintah bayar kos RM35,381 kepada PM

KUALA LUMPUR, 26 April — Datuk Seri Anwar Ibrahim diperintahkan oleh Mahkamah Rayuan di sini membayar kos sebanyak RM35,381 kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung kes saman fitnah terhadap Perdana Menteri.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan, Nasir Yahya membuat keputusan itu di kamar beliau hari ini.

Dr. Mahathir yang dinamakan **defendan** dalam kes itu telah menuntut kos sebanyak RM152,755. Pihak **defendan** diwakili peguam Fazilah Pilus. Anwar pula diwakili oleh peguam Karpal Singh.

Pada 9 Disember 2000, Mahkamah Rayuan telah mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi di sini yang membatalkan saman Anwar terhadap Dr. Mahathir.

Rayuan tersebut telah ditolak dengan kos.

Anwar, 54, telah menyaman Dr. Mahathir kerana mendakwa memfitnahnya pada persidangan media yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri, 22 September 1998.

Dia mendakwa Dr. Mahathir secara salah dan berniat jahat bercakap keadaan wartawan tempatan dan asing mengenai perilakunya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan penuturan perkataan itu telah menjejaskan perwatakan dan reputasinya di peringkat nasional dan antarabangsa.

Anwar menuntut kos RM100 iuta.

Dr. Mahathir dalam kenyataan pembelaannya berkata beliau mengucap kata-kata itu dalam kedudukannya sebagai Perdana Menteri dengan perlindungan bersyarat.

Pada 30 Ogos 1999, Hakim Mahkamah Tinggi di sini ketika itu, Datuk Dr. Kamalanathan Ratnam telah memutuskan membatalkan saman tersebut mengikut peruntukan Perintah 18 Peraturan 19(1)(a),(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi.

Dalam keputusannya, Hakim Kamalanathan menjelaskan bahawa beliau mendapati tindakan itu tidak bersungguh-sungguh, menyusahkan dan

menyalah guna proses mahkamah. Saman itu ditolak dengan kos.

Berikutan itu, Anwar telah diperintahkan membayar kos sebanyak RM85,284.80 manakala Dr. Mahathir menuntut kos RM203,958.80.

Kemudiannya, Anwar telah diperintahkan oleh Mahkamah Persekutuan membayar kos sebanyak RM18,489 setelah mahkamah tersebut menolak permohonannya untuk mendapatkan kebenaran merayu bagi saman tersebut.

Mahkamah Persekutuan menolak permohonan Anwar pada 23 Februari tahun lalu dan jumlah kos telah dibuat oleh Timbalan Pendaftar mahkamah itu, S. Kalyana Kumar pada 6 Julai tahun lalu.

Anwar kini menjalani hukuman penjara selama 15 tahun kerana amalan rasuah dan liwat.

Mahkamah Persekutuan telah menengguhkan penghakiman terhadap rayuan Anwar untuk mengetepikan sabitan penjara enam tahun di atas empat kesalahan rasuah.